



ZAKAT MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG
KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA 2025
KOD SEBUTHARGA: 39/2025

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal tempatan (keutamaan kepada PEMBAYAR ZAKAT DI ZAKAT MAINPP) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), mempunyai Sijil Pendaftaran Bumiputera, berkelayakan dan berpengalaman untuk menyertai sebutharga bagi pembekalan perkhidmatan berikut:

MAKLUMAT SEBUTHARGA

NO. SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	PENDAFTARAN KKM	DOKUMEN SEBUTHARGA	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
39/2025	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN PAKAI BUANG (DRESSING SET DAN DISPOSABLE SYRINGE) BAGI KEGUNAAN PESAKIT DI LAPAN (8) CAWANGAN PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT PULAU PINANG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN	220601 - Alat Kelengkapan Perubatan/Makmal; Atau 050101 - Peralatan Dan Kelengkapan Hospital; Atau 050102 - Peralatan Dan Kelengkapan Perubatan; SILA SERTAKAN KATALOG BESERTA SAMPLE BERSAMA-SAMA SEBUT HARGA INI SEKURANG-KURANGNYA 5 UNIT BAGI SETIAP BARANGAN DAN BERLABEL NAMA SYARIKAT & KOD SEBUT HARGA (WAJIB DISERTAKAN)	Dokumen Sebutharga boleh didapati secara percuma mulai 9 Oktober 2025 (Khamis) melalui emel, Sila emelkan permohonan sebutharga di alamat emel othman@zakatpenang.com atau kalsom@zakatpenang.com	17 Oktober 2025 (Jumaat) 12.00 Tengahari
ALAMAT PENGHANTARAN TAWARAN Zakat MAINPP No.4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, 14000 BUKIT MERTAJAM, Seberang Perai (T) Telefon: 04-5498088/04-5498120				
a. Syarikat yang hanya mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya sahaja akan diberi borang sebut harga. b. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Zakat MAINPP www.zakatpenang.com c. Dokumen Tawaran Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas.Tawaran yang LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN. d. Zakat MAINPP adalah tidak terikat untuk menerima tawaran terendah. Keputusan Sebut harga ini adalah MUKTAMAD dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.				



ZAKAT MAINPP
(302434-A)

DOKUMEN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BEKALAN BAGI :

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN PAKAI BUANG (*DRESSING SET* DAN *DISPOSABLE SYRINGE*) BAGI KEGUNAAN PESAKIT DI LAPAN (8) CAWANGAN PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT PULAU PINANG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

KOD SEBUT HARGA : 39/2025

- 220601 - Alat Kelengkapan Perubatan/Makmal; Atau
- 050101 - Peralatan Dan Kelengkapan Hospital; Atau
- 050102 - Peralatan Dan Kelengkapan Perubatan;

PERINGATAN PENTING

Pembida-pembida dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir yang terkandung di dalam dokumen sebut harga sebelum mengisikannya. Pembida-pembida yang membuat kesilapan dan tidak mematuhi mana-mana fasal di dalam dokumen sebut harga tidak akan dipertimbangkan.

**SILA SERTAKAN KATALOG BESERTA SAMPLE BERSAMA-SAMA SEBUT HARGA INI
SEKURANG-KURANGNYA 5 UNIT BAGI SETIAP BARANGAN DAN BERLABEL
NAMA SYARIKAT & KOD SEBUT HARGA (WAJIB DISERTAKAN)**

Tarikh Tutup Sebut Harga

Tarikh : 17 Oktober 2025
Hari : Jumaat
Masa : 12.00 tengahari

KENYATAAN TAWARAN

ZAKAT MAINPP

KOD SEBUT HARGA : 39/2025

1. Zakat MAINPP mempelawa Sebut Harga bagi kerja-kerja menurut butir-butir seperti yang terkandung di dalam BORANG SEBUT HARGA yang terlampir. Pelawaan ini terbuka kepada pembekal-pembekal tempatan (keutamaan kepada pembayar zakat di Zakat MAINPP) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), mempunyai Sijil Pendaftaran Bumiputera untuk menyertai Sebut Harga bagi pembekalan perkhidmatan berikut.
2. Dokumen tawaran dan maklumat lanjut boleh didapati dari Bahagian Perolehan, No. 4 Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, 14000 BUKIT MERTAJAM, Seberang Perai (T) mulai atau pada waktu berikut:

Tarikh : 09 Oktober 2025
Hari : Khamis
3. Zakat MAINPP tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.
4. Zakat MAINPP tidak bertanggungjawab atau membuat sebarang pembayaran kepada mana-mana pembida ke atas perbelanjaan atau kerugian yang mungkin dialami semasa dan/atau selepas penyediaan tawaran sebut harga ini.
5. Sebut harga yang **TELAH LENGKAP DIISI DAN DITANDATANGANI** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bermetri dengan mencatatkan tajuk dan Kod Sebut harga sebelah penjuru kiri (atas). Dokumen tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 17 Oktober 2025 (Jumaat) jam 12.00 tengahari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Zakat MAINPP, Bahagian Perolehan, No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, 14000 BUKIT MERTAJAM, Seberang Perai (T)**.
6. Zakat MAINPP tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana tawaran yang dikemukakan melalui pos.

ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

1. PENYERTAAN SEBUT HARGA

- 1.1 Sebut harga ini dikhaskan kepada pembekal-pembekal tempatan (**KEUTAMAAN KEPADA PEMBAYAR ZAKAT DI ZAKAT MAINPP**) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), mempunyai Sijil Pendaftaran Bumiputera (untuk KKM) dan SSM berkelayakan dan berpengalaman untuk menyertai sebut harga bagi pembekalan perkhidmatan berikut.
- 1.2 Hanya sebut harga-sebut harga yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat yang menggunakan borang sebut harga yang dikeluarkan oleh Zakat MAINPP sahaja dan **melengkapkan ruangan tandatangan** akan diterima untuk menyertai sebut harga ini.
- 1.3 Pelawaan ini adalah terikat kepada 'Arahan kepada pembida dan Syarat-Syarat Am Sebut harga' yang dikembarkan bersama-sama ini.
- 1.4 Semua pembida hendaklah mematuhi sepenuhnya kesemua syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan, membolehkan sebut harga tersebut tidak akan dipertimbangkan dan terus ditolak.
- 1.5 Kos penyediaan dokumen sebut harga dan penyertaan sebut harga ditanggung sendiri oleh pembida. Zakat MAINPP tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat.
- 1.6 Hanya dokumen yang lengkap diisi akan dipertimbangkan.

2. BORANG SEBUT HARGA

- 2.1 Hanya borang yang dikeluarkan oleh Zakat MAINPP sahaja yang akan diterima. Lain-lain borang tidak akan diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang asal.
- 2.2 Borang Jadual Harga hendaklah diisi dalam satu (1) salinan (**ASAL**) dengan lengkap dan terang.
- 2.3 Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah dipotong dan ditandatangani ringkas dan tarikh hendaklah dicatatkan dengan terang setentang dengan apa-apa perubahan yang dibuat. **Penggunaan pemadam dakwat adalah tidak dibenarkan. Pembida yang tidak menggunakan borang asal dan mengolah atau mengedit semula format ke dalam bentuk lain akan ditolak permohonannya.**

3. HARGA

- 3.1 Pembida adalah dikehendaki mencatat dengan jelas harga yang ditawarkan di ruangan yang disediakan pada Borang D dokumen sebut harga.
- 3.2 Harga bagi setiap item yang ditawarkan hendaklah dalam **Ringgit Malaysia** sahaja.
- 3.3 **Pembida tidak boleh menawarkan harga dalam pecahan sen.**
- 3.4 Setiap kos dan diskaun termasuk perniagaan, pentadbiran, pengangkutan dan diskaun tunai yang diberi atas sesuatu harga, mestilah ditunjukkan.
- 3.5 Harga yang ditawarkan hendaklah harga tetap.

4. KEADAAN BARANG-BARANG

- 4.1 Semua barang mestilah baru dan belum digunakan.
- 4.2 Ketua Pegawai Eksekutif adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa sebelum penyerahan.

5. KUANTITI/KEPERLUAN

Pembekalan yang perlu diberikan bagi tujuan sebut harga ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Harga (**Borang D**) Pembida yang berjaya mestilah sedia memberikan perkhidmatan sepertimana yang disenaraikan.

6. PERINGATAN MENGENAI RASUAH

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah, berikut disenaraikan peringatan mengenai kesalahan rasuah :

- 6.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau

pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 6.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

7. SETUJUTERIMA SEBUT HARGA

- 7.1 Zakat MAINPP adalah berhak untuk menyetujui terima sebut harga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagian daripadanya. Zakat MAINPP tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
- 7.2 Zakat MAINPP juga berhak untuk memilih lebih dari satu pembida untuk satu-satu kontrak jika difikirkan memberi faedah kepada Zakat MAINPP.
- 7.3 Keputusan Zakat MAINPP adalah muktamad. Zakat MAINPP tidak akan melayan sebarang surat menyurat berupa rayuan daripada pembida-pembida mengenai sebab-sebab mereka tidak berjaya.

8. TEMPOH SAHLAKU

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Pembida tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan akan diambil sekiranya pembida menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

9. SILA KEMBALIKAN SEMULA KESEMUA DOKUMEN INI DENGAN LENGKAP

Pembida-pembida yang tidak mengembalikan semula kesemua dokumen dan tidak melengkapkan ruangan tandatangan serta tidak menyertakan salinan-salinan sijil dan dokumen yang diminta akan menyebabkan **tawarannya tidak akan dipertimbangkan.**

10. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 10.1 Borang Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri dan dicop syarikat serta ditanda pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat sepertimana berikut :

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN PAKAI BUANG (*DRESSING SET*
DAN DISPOSABLE SYRINGE) BAGI KEGUNAAN PESAKIT DI LAPAN (8)
CAWANGAN PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT PULAU PINANG BAGI TEMPOH
DUA (2) TAHUN**

KOD SEBUT HARGA : 39/2025

Alamatkan kepada :

**Ketua Pegawai Eksekutif
Zakat MAINPP
(Bahagian Perolehan)
No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda
14000 BUKIT MERTAJAM, Seberang Perai (T)**

- 10.2 Semua sebut harga mestilah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah ditentukan pada waktu pejabat di alamat seperti yang tersebut tidak lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan.
- 10.3 Zakat MAINPP tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan borang-borang penyertaan sebut harga akibat daripada kesilapan peti yang dimasukkan atau sebut harga-sebut harga yang dihantar melalui pos.
- 10.4 Sebut harga-sebut harga hendaklah sampai ke Bahagian Perolehan, Zakat MAINPP sebelum jam **12.00 tengahari pada 17 Oktober 2025**. Sebut harga-sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

KETERANGAN MENGENAI PEMBIDA

1. Nama Pemilik Syarikat :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Nama Syarikat :
4. Alamat Pejabat Syarikat :
.....
.....
5. No. Telefon : (Pej) (H/P)
6. No. Fax :
7. E- Mail :
8. Tarikh Syarikat Ditubuhkan :
9. Jenis Perniagaan :
10. No. Pendaftaran :
Kementerian Kewangan
11. Tarikh Tamat Pendaftaran :
Kementerian Kewangan
12. Nama Bank dan Alamat :
.....
.....
13. No. Akaun Bank :
14. Pembayar Zakat Di Pulau Pinang :

Jika Ya, sila nyatakan (Sama ada pemilik/Ahli Syarikat/Jumlah pekerja yang bayar zakat dalam syarikat atau kilang: orang)

 BORANG AKUAN SEBUT HARGA

Kepada :

Ketua Pegawai Eksekutif
 Zakat MAINPP
 No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda,
 14000 BUKIT MERTAJAM, Seberang Perai (T)

Tuan,

NO. SEBUT HARGA : 39/2025

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN PAKAI BUANG (*DRESSING SET* DAN *DISPOSABLE SYRINGE*) BAGI KEGUNAAN PESAKIT DI LAPAN (8) CAWANGAN PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT MAINPP BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

Saya/kami yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengemukakan tawaran bagi pembekalan dan perkhidmatan yang disebut di atas dengan harga berjumlah **Ringgit Malaysia**:
Sahaja (RM.....). Tawaran ini mempunyai sah laku untuk tempoh selama **Sembilan puluh (90) hari** dari tarikh sebut harga ini ditutup.

Kami yang bertandatangan seperti di bawah, setelah membaca perkara yang berkaitan dengan syarat-syarat Sebut harga dengan ini bersetuju menyediakan Sebut harga kami menurut terma dan Syarat itu beserta terma yang berikut:

- a. Kami telah meneliti kandungan Sebut harga dan dengan ini kami bersetuju untuk menawarkan perkhidmatan dan menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang dinyatakan;
- b. Mengakui semua kenyataan yang diberikan adalah benar dan sekiranya mana-mana kenyataan yang tidak benar, pembida bersedia diambil tindakan oleh pihak Zakat MAINPP dan membawa kes ini ke Mahkamah;
- c. Kami faham dan bersetuju harga yang dinyatakan dalam Jadual Harga akan dijadikan asas penilaian bayaran untuk perkhidmatan tersebut;
- d. Kami faham bahawa syarikat tuan tidak bertanggungjawab menerima mana-mana Sebut harga terendah atau menerima semua perkhidmatan yang diterangkan secara terperinci atau memberikan apa-apa sebab kerana tidak menerima mana-mana Sebut harga;

SAYA JUGA BERSETUJU BAHAWA SEBUT HARGA YANG SAYA BERI INI SAH LAKU SELAMA SEMBILAN PULUH HARI (90) DARI TARIKH TUTUP SEBUT HARGA DAN TIDAK AKAN DITARIK BALIK.

Sekiranya tawaran saya diterima, saya bersetuju untuk mengikat perjanjian kontrak dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan surat tawaran dari Zakat MAINPP.

Bagi Pihak Pembida :

Tandatangan Pembida :

Nama Penuh Pembida :

No. K/P :

Jawatan :

Alamat Syarikat :

.....

.....

Tarikh :

Cop Syarikat :

Di hadapan :

Tandatangan Saksi :

Nama Penuh Saksi :

No. K/P :

Jawatan :

Alamat Syarikat :

.....

Tarikh :

SURAT AKUAN PEMBIDA

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN PAKAI BUANG (*DRESSING SET* DAN *DISPOSABLE SYRINGE*) BAGI KEGUNAAN PESAKIT DI LAPAN (8) CAWANGAN PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT MAINPP BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

SEBUT HARGA : 39/2025

1. Saya
Nombor KP yang mewakili Syarikat dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Zakat MAINPP atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam SEBUT HARGA seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.
2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam ZPP atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:
 - 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut harga di atas; atau
 - 2.2 Penamatan kontrak bagi Sebut harga di atas; dan
 - 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan MAINPP.
3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Tandatangan Pembida :

Nama :

No. K.P :

Tarikh :

Cop Syarikat :



JADUAL HARGA

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini:

SEBUT HARGA
UNTUK BEKALAN BARANG / PERKHIDMATAN

Sebut harga : 39/2025

KEPADA (NAMA SYARIKAT PEMBIDA) :

Pelawaan sebut harga
dikeluarkan oleh :

ZAKAT MAINPP

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan barang-barang / perkhidmatan yang disenaraikan di bawah dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Pembayaran : 30 hari dari tarikh serahan dibuat setelah berpuas hati dengan barangan yang diberikan.
3. Sebut harga mestilah sampai ke alamat di atas pada atau sebelum pukul **12.00 tengahari pada 17 Oktober 2025**
4. Sebutharga mestilah dimasukkan ke dalam satu sampul surat bermetri.

BORANG D (i)

BIL.	PERIHAL BARANG-BARANG DAN SYARAT-SYARAT KHAS	ANGGARAN KEGUNAAN SETAHUN (UNIT)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH SETAHUN (RM)
1.	DIALYSIS DRESSING SET <ul style="list-style-type: none"> • 1 Forceps • 6 Cotton ball 0.5 gm • 6 Plain gauze 7.5 x 7.5 x 8 ply (18 x 12) • 1 Hand towel • 1 Sterile field 45 cm x 45 cm • 1 Patient drape 45 cm x 45 cm • 1 Yellow limpet set • 3 Compartment tray Packaging : Unit / Box	69300 Unit		
2.	DISPOSABLE SYRINGE <ul style="list-style-type: none"> • Luer lock • 10 cc Packaging : Unit / Box	78400 Unit		
3.	DISPOSABLE SYRINGE <ul style="list-style-type: none"> • Luer lock • 20 cc Packaging : Unit / Box	73400 Unit		
SST 8% (Jika Ada)				
JUMLAH KESELURUHAN UNTUK DUA (2) TAHUN (RM)				
SILA SERTAKAN KATALOG BESERTA SAMPLE BERSAMA-SAMA SEBUT HARGA INI SEKURANG-KURANGNYA 5 UNIT BAGI SETIAP BARANGAN DAN BERLABEL NAMA SYARIKAT & KOD SEBUT HARGA (WAJIB DISERTAKAN)				

- 1) Terma bayaran 30 hari setelah penerimaan dokumen dibawah oleh Pejabat Bahagian Perkhidmatan Kesihatan :-
 - a) Inbois asal
 - b) `Delivery Order` (asal) yang telah disahkan oleh pegawai terlibat
 - c) Pembayaran akan dibuat setelah perkhidmatan selesai dilaksanakan dan dokumen lengkap
 - d) Inbois perlu sampai ke bahagian ini selewat-lewatnya 30 hari dari tarikh penghantaran barangan sebarang kelewatan akan menyebabkan proses pembayaran tidak dapat dilakukan dalam masa yang ditetapkan.

- 2) Penghantaran barangan perlulah dibuat setiap minggu bagi satu (1) cawangan mengikut kepada permintaan dari Pejabat Bahagian Perkhidmatan Kesihatan
 Jika terdapat sebarang pindaan tarikh penghantaran barang selepas PO dikeluarkan, pegawai PHZ akan memaklumkan kepada pembekal seawal tiga (3) hari sebelum tarikh penghantaran

Saya / kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan barang-barang / perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dinyatakan dalam dokumen sebut harga ini.

Tandatangan Pembida :

Nama Pembida :

No. KP :

Tarikh :

Cop Syarikat :

BORANG E**SENARAI PENGALAMAN KERJA TERKINI & KERJA LAMPAU (JIKA ADA)**

Sila senaraikan pengalaman kerja bagi tempoh 2 tahun dengan mana-mana syarikat / jabatan / bahagian dan kemukakan salinan Surat Inden/Surat Tawaran yang berkaitan (jika ada) untuk rujukan pihak ini.

BIL	SYARIKAT	SEBUT HARGA	TAHUN SEBUT HARGA	JUMLAH SEBUT HARGA (RM)

SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG WAJIB DISERTAKAN

Sila tandakan (/) bagi dokumen yang disertakan

BIL	PERKARA/ DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH PEMBIDA
1	BORANG A - Keterangan Mengenai Pembida Wajib diisi dengan lengkap	
2	BORANG B - Borang Akuan Sebut harga Wajib diisi lengkap, ditandatangani dan dicop	
3	BORANG C - Surat Akuan Pembida Wajib diisi lengkap, ditandatangani dan dicop	
4	BORANG D - Jadual Harga Wajib diisi lengkap, ditandatangani dan dicop	
5	BORANG D(i) Wajib diisi lengkap, ditandatangani dan dicop	
6	BORANG E - Pengalaman Pembekalan Barang	
7	BORANG F - Senarai Semak Dokumen. Wajib diisi lengkap, ditandatangani dan dicop	
8	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Wajib disertakan	
9	Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan. Wajib disertakan	
10	Salinan Sijil Pendaftaran Bumiputera dan Kementerian Kewangan bagi syarikat berkenaan. Wajib disertakan	
11	Penyata Bank untuk 3 bulan terakhir/penyata kewangan (Jun, Julai & Ogos) syarikat beraudit terkini yang disahkan oleh pihak Bank berkenaan. Wajib disertakan	
12	Profail Syarikat yang lengkap dan kemas.Pembida perlu sertakan Katalog mesin yang akan ditawarkan. Wajib disertakan	
13	Lesen "Malaysian Medical Device Authority" Wajib disertakan	
14	'Letter of Authorized Distributor' perlu disertakan bagi syarikat yang menawarkan produk dari pengilang. Wajib disertakan	

15	<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan didalam dokumen Sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan Pembida : Nama Pembida : No. Kad Pengenalan : Jawatan : Tarikh :</p>
----	--

PERINGATAN:

1. Semua dokumen yang disenaraikan dalam Borang ini akan dinilai. Oleh itu Pembida yang gagal mengemukakan dokumen wajib dan tidak menandatangani ruangan yang disediakan akan menyebabkan tawarannya ditolak.

2. Pastikan tempoh pendaftaran bagi semua sijil masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas tarikh tutup Sebut harga.

SENARAI ALAMAT CAWANGAN PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT

- 1. PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT BUTTERWORTH**
No. 22, Lorong Kg Gajah 1,
Jalan Kampung Gajah,
12200 BUTTERWORTH, Seberang Perai (U)
Tel : 04- 324 2314
- 2. PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT BALIK PULAU**
No. 20, Taman Seri Genting,
11000 BALIK PULAU, Pulau Pinang
Tel : 04- 866 6233
- 3. PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT BUKIT MERTAJAM**
No. 503, Tingkat Bawah,
Jalan Permatang Rawa,
14000 BUKIT MERTAJAM, Seberang Perai (T)
Tel : 04-539 1001
- 4. PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT NIBONG TEBAL**
No. 28, Jalan Jawi Jaya 1, Taman Jawi Jaya, Sungai Jawi,
14200 NIBONG TEBAL, Seberang Perai (S)
Tel : 04-582 2801
- 5. PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT GEORGE TOWN**
Blok 3-1-1, Lebuhr Buckingham,
10200 GEORGE TOWN, Pulau Pinang
Tel : 04-250 1002
- 6. PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT KEPALA BATAS**
Blok 2104, Wisma Syeikh Abdullah Fahim, Jalan Bertam,
13200 KEPALA BATAS, Seberang Perai (U)
Tel : 04-575 1133
- 7. PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT TASEK GELUGOR,**
No. 1, Jalan Besar,
13300 TASEK GELUGOR, Seberang Perai (U)
Tel : 04-518 4911
- 8. PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT BAYAN LEPAS**
No. 58, Jalan Sungai Tiram 3,
11900 BAYAN LEPAS, Pulau Pinang
Tel : 04-646 5087